POLITEKNIK MALAYSIA

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

GARIS PANDUAN
PILIHAN RAYA KAMPUS
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

EDISI **2021**

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

GARIS PANDUAN
PILIHAN RAYA KAMPUS
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
EDISI 2021

BAHAGIAN AMBILAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Copyright © 2021 Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian data, artikel, ilustrasi, audio, video dan isi kandungan laman ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, duplikasi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi.

Diterbitkan oleh:
BAHAGIAN AMBILAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
Aras 6, Galeria PjH, Jln. P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya, Malaysia
http://mypolycc.edu.my/

Tel: 60388883837
Faks: 60388882111

Garis Panduan Pilihan Raya Kampus Politeknik dan Kolej Komuniti
Edisi 2021
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi

Noranyza Binti Mohamad Yusoff
Pengarah
Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Editor Kerja
Nastasa Binti Abdul Samat
Madihah Binti Paiizi
Unit Pembangunan Pelajar
Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Editor Grafik
Siti Yuhana Binti Abdullah
Unit Pembangunan Pelajar
Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Ketua Penulis
Madihah Binti Paiizi
Mohd Nafizi Bin Nosri
Unit Pembangunan Pelajar
Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Penulis
Nastasa Binti Abdul Samat (BAPP, JPPKK)
Mohd Nafizi Bin Nosri (BAPP, JPPKK)
Abd Rahman Bin Mahamad (POLIMAS)
Zainab Hanina Binti Abdul Samad (PSA)
Mohd Khairuddin Bin Ahmad Khair (PMK)
Fatin Shafinas Binti Rokman (PSIS)
Zainal Anuar Bin Bakri (PSMZA)
Zulina Binti Yusoff (PTSS)
Muhammad Taufik Bin Abdul Talib (PTSB)
Mohamad Izzuddin Hilmi Bin Mohamad Zaini (PSIS)
Nor Ridzuan Bin Hashim (PPD)
Ahmad Khairi Aswad Bin Ishak (PSA)
Amrul Bin Omar (KK Bandar Darulaman)
Nur Ili Shamimi Binti Jamal Nasir (KK Nibong Tebal)
Mohd Juwahir Bin Pa'iman (KK Rompin)
Mohd Khairuddin Bin Abd Karim (KK Segamat 2)

KANDUNGAN

RINGKASAN EKSEKUTIF 1
TAFSIRAN 2
1.0 PENGENALAN 4
1.1. Objektif MPP/JPP 4
1.2. Hak Institusi 4
2.0 PENGURUSAN PILIHAN RAYA KAMPUS 5
2.1. Carta Alir Proses Pilihan Raya Kampus 5
2.2. Carta Alir Pengurusan Pilihan Raya Kampus 6
2.3. Carta Organisasi Jawatankuasa SPRK 7
3.0 PRA PILIHAN RAYA KAMPUS 10
3.1. Bilik Gerakan 10
3.2. Notis Pemberitahuan Pilihan Raya Kampus 10
3.2.1. Kerusi 11
3.2.2. Penetapan Tarikh 13
3.3. Kelayakan Bertanding 13
3.3.1. Calon 13
3.3.2. Syarat Calon 13
3.3.3. Prosedur Penamaan Calon 14
3.4. Kempen 15
3.4.1. Kawalan Dan Pemantauan 15
3.4.2. Lokasi Kempen 15
3.4.3. Kaedah Berkempen 16
3.4.4. Peraturan Berkempen 17
4.0 PROSES PILIHAN RAYA KAMPUS 19
4.1. Proses Hari Mengundi 19
4.2. Daftar Pengundi 19
4.2.1. Syarat Pengundi 19
4.3. Kaedah Pengundian 19
4.4. Statistik Pelajar Turun Mengundi 21
5.0 SELEPAS PILIHAN RAYA KAMPUS 23
5.1. Pengiraan Dan Keputusan 23
5.1.1. Tempat Pengiraan Undi 23

5.1.2. Peraturan Dalam Kawasan Pengiraan Undi 23
5.1.3. Keperluan Proses Pengiraan Undi 24
5.1.4. Proses Pengiraan Undi 24
5.1.5. Kertas Undi Rosak 25
5.2. Pengiraan dan Keputusan Secara Dalam Talian (e-Pilihan Raya Kampus) 26
5.3. Pengumuman Keputusan Pilihan Raya Kampus 26
5.3.1 Bantahan Keputusan Pilihan Raya Kampus 26
6.0 PEMBENTUKAN MPP DAN JPP 28
6.1. Pembentukan Kabinet MPP/JPP 28
6.2. Tempoh Lantikan MPP/JPP 29
6.3. Portfolio MPP/JPP 29
6.3.1. Ahli Majlis Tertinggi (MT) 29
6.3.2. Exco/Biro Sektor 31
6.3.3. Exco/Biro Jabatan 32
6.3.4. Exco/Biro Khas (sekiranya perlu) 32
6.3.5. Jawatankuasa *Ad Hoc* MPP/JPP 32
6.4. Pengurusan Kewangan 33
6.5. Watikah Pelantikan 34
6.6. Hebahan 34
7.0 PENYEDIAAN LAPORAN PILIHAN RAYA KAMPUS 36
8.0 ROMBAKAN MPP/JPP 37
8.1. Kekosongan Jawatan Ahli MPP/JPP 37
8.2. Pembubaran 37
8.3. Perlucutan Jawatan 37
8.4. Tempoh Tamat 38
9.0 PENYERAHAN SIJIL PENGHARGAAN MPP/JPP 38
9.1 Penyerahan Sijil Penghargaan Kepada MPP/JPP 38

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1	Contoh Notis Pemberitahuan Pilihan Raya Kampus	40
LAMPIRAN 2 (A)	Contoh Calon Kerusi Umum	41
LAMPIRAN 2 (B)	Contoh Calon Kerusi Sektor	42
LAMPIRAN 2 (C)	Contoh Calon Kerusi Jabatan	43
LAMPIRAN 3	Borang Penamaan Calon Pilihan Raya Kampus	44-46
LAMPIRAN 4	Borang Penarikan Pencalonan Pilihan Raya Kampus	47
LAMPIRAN 5	Borang Pengisytiharaan Pencalonan Pilihan Raya Kampus	48
LAMPIRAN 6	Borang Bantahan Calon	49
LAMPIRAN 7	Borang Pengisytiharaan Calon Menang Tanpa Bertanding	50
LAMPIRAN 8	Senarai Semak Peralatan	51
LAMPIRAN 9 (A)	Kertas Undi Pilihan Raya Kampus (Kerusi Umum)	52
LAMPIRAN 9 (B)	Kertas Undi Pilihan Raya Kampus (Kerusi Jabatan)	53
LAMPIRAN 10	Susun Atur Tempat Mengundi Secara Kiraan Manual	54
LAMPIRAN 11	Susun Atur Tempat Mengundi Secara Sistem (e-Pilihan Raya Kampus)	55
LAMPIRAN 12	Borang Pengiraan Undi	56
LAMPIRAN 13	Borang Pengesahan Jumlah Undi Calon	57
LAMPIRAN 14	Borang Catatan Bilangan Pengesahan Kertas Undi	58
LAMPIRAN 15	Borang Bantahan Pilihan Raya Kampus	59
LAMPIRAN 16	Minit Mesyuarat MPP/JPP Politeknik/Kolej Komuniti	60
LAMPIRAN 17	Memo Dalaman Notis Panggilan Mesyuarat	61
LAMPIRAN 18	Watikah Pelantikan Ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar/Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik/Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi	62
LAMPIRAN 19	Ikrar Penerimaan Tanggungjawab Ahli Majlis/Jawatankuasa Perwakilan Pelajar	63
LAMPIRAN 20	Carta Organisasi Majlis/Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Politeknik/Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi	64
LAMPIRAN 21	Laporan Awal	65
LAMPIRAN 22	Format Pelaporan Pilihan Raya Kampus Politeknik Dan Kolej Komuniti Sesi 2020/2021	66-68
LAMPIRAN 23	Surat Perlucutan Ahli Jawatankuasa MPP/JPP	69
LAMPIRAN 24	Sijil Penghargaan	70

RUJUKAN

1. Garis Panduan Pilihan Raya Kampus Politeknik Malaysia 2014, Jabatan Pengajian Politeknik.

2. Garis Panduan Pengurusan Hal Ehwal Pelajar Kolej Komuniti – Pengurusan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar.

3. Norizam bin Sekak, Mohd Khairuddin bin Abd Karim dan Zulkefli bin Menong (2020). Akta 174 - Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976: Versi Bahasa Awam & Inovasi Dokumen Perbicaraan Tatatertib. Kolej Komuniti Segamat 2: Segamat. (ISBN 9789671164068).

4. Undang-undang Malaysia. Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

5. Undang-undang Malaysia. Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174).

6. Undang-undang Malaysia. Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pilihan Raya Kampus (PRK) merupakan satu proses untuk memberikan pengalaman serta ilmu pengetahuan berkaitan politik, demokrasi dan proses penglibatan pelajar melalui amalan pengundian. Melalui platform ini, pelajar akan mengenali apakah yang dimaksudkan dengan calon, pencadang, penyokong, kertas undi, kempen, bantahan, pengiraan undi dan sebagainya.

Sebagai langkah persediaan dalam pelaksanaan PRK, Politeknik telah menyediakan Garis Panduan Pilihan Raya Kampus Politeknik Malaysia manakala Kolej Komuniti berpandukan Garis Panduan Pengurusan Hal Ehwal Pelajar Kolej Komuniti – Pengurusan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang menjadi rujukan kepada institusi dalam menjayakan Pilihan Raya Kampus secara lebih efektif, telus dan berjalan dengan lancar.

Garis Panduan Pilihan Raya Kampus Politeknik dan Kolej Komuniti Edisi 2021 ini adalah satu penyelarasan Garis Panduan yang dilihat sangat diperlukan memandangkan Politeknik dan Kolej Komuniti berada di bawah satu kementerian yang sama. Garapan garis panduan ini juga secara tidak langsung dapat mewujudkan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) dengan berteraskan visi misi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Dengan peredaran masa dan teknologi yang kian membangun, pengurusan PRK dilihat tidak tertumpu kepada pelaksanaan sedia ada. Justeru, dengan mengimplementasikan budaya teknologi hijau atau *green technology* yang dapat mengurangkan penggunaan kertas umumnya, alternatif seperti pengundian secara dalam talian adalah satu kaedah yang sangat komprehensif dalam pelaksanaan PRK. Garis panduan ini dapat memberi gambaran bagaimana pengurusan tersebut dapat diaplikasikan bersesuaian dengan institusi masing-masing.

TAFSIRAN

Perkara	Keterangan
Calon	Individu/Pelajar yang memenuhi syarat untuk bertanding.
Ejen	Individu/Pelajar yang mewakili calon bertanding.
Institusi	Politeknik dan Kolej Komuniti.
Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP)	Suatu jawatankuasa perwakilan pelajar yang merupakan organisasi kepimpinan pelajar tertinggi yang dipilih melalui proses PRK. MPP digunapakai di Politeknik manakala di Kolej Komuniti dikenali sebagai JPP. Terminologi asas JPP adalah berdasarkan Seksyen 7, Akta 174.
Ketua Eksekutif	Pengarah Politeknik atau Kolej Komuniti.
Notis Pilihan Raya Kampus	Satu pemberitahuan berhubung dengan sebarang perkara yang berkaitan dengan proses PRK.
Pegawai Hal Ehwal Pelajar Kebajikan dan Disiplin (PHEP(KD)) dan Pegawai Pembangunan Pelajar (PPP)	PHEP(KD) adalah pegawai yang dilantik untuk menguruskan hal-hal berkaitan dengan kebajikan dan disiplin pelajar Politeknik. PPP adalah pegawai yang dilantik untuk menguruskan hal-hal berkaitan dengan kebajikan dan disiplin pelajar Kolej Komuniti.
Penasihat MPP/JPP	Pegawai yang bertanggungjawab dalam membimbing dan menasihati jawatankuasa bagi melaksanakan tugas-tugas utama seperti yang termaktub dalam kaedah 7 Jadual Ketiga. Penasihat MPP/JPP dilantik di kalangan pensyarah atau staf oleh Ketua Eksekutif dan bilangannya mengikut keperluan Institusi.
Petisyen	Bantahan yang dibuat berdasarkan Jadual Ketiga, Seksyen 7, 8 dan 23 Akta 174.
Pelajar Aktif	Pelajar yang berdaftar untuk semester terkini.
Sekretariat Pilihan Raya Kampus (SPRK)	Jawatankuasa yang dilantik oleh Ketua Eksekutif bagi menguruskan proses PRK Politeknik dan Kolej Komuniti.
Watikah	Surat/sijil kuasa yang membolehkan ahli MPP/JPP menjalankan tugas rasmi.

PENGENALAN
&
PENGURUSAN PILIHAN RAYA KAMPUS

Zulina Binti Yusoff
Mohd Khairuddin Bin Abd Karim

1.0 PENGENALAN

Dalam Rang Undang-Undang, di bawah Seksyen 7 Bahagian III, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174), telah memperuntukkan bahawa sesuatu institusi hendaklah mempunyai suatu Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang diwakili oleh sebilangan pelajar yang ditentukan oleh Ketua Eksekutif atau Pengarah institusi.

1.1. Objektif MPP/JPP

i. Menjadi platform untuk mengasah dan memperkembangkan bakat kepimpinan dan sahsiah diri pelajar ke arah peneraju pemimpin masa hadapan yang berwawasan, berdaya saing, berakhlak serta berkebolehan dalam apa jua bidang.

ii. Memperkukuhkan semangat muhibah, perpaduan dan integrasi nasional selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan selari dengan penerapan jasmani, emosi, rohani dan intelek.

iii. Menjadi perantara antara pihak pelajar dan pihak pengurusan institusi dalam memastikan masalah dan pandangan pelajar dapat disalurkan dan diambil tindakan yang sewajarnya.


iv. Melaksanakan tugas dan peranan yang digariskan dalam Kaedah 7, Jadual Ketiga, Akta 174.

1.2. Hak Institusi

Garis panduan ini bertindak sebagai rujukan serta penyelarasan kepada Politeknik dan Kolej Komuniti dalam pelaksanaan pengurusan PRK di peringkat institusi masing-masing. Walau bagaimanapun, setiap institusi diberikan hak untuk menggunakan kaedah pelaksanaan dan pengurusan PRK mengikut kesesuaian institusi dengan tertakluk kepada peraturan yang sedang berkuatkuasa dan berdasarkan di bawah Kaedah 1, Subkaedah (1) (b), Jadual Ketiga (Seksyen 7,8,22 dan 23) Akta 174.

2.0 PENGURUSAN PILIHAN RAYA KAMPUS

2.1. Carta Alir Proses Pilihan Raya Kampus



Surat Lantikan Jawatankuasa SPRK (Staf dan Pelajar)

Penetapan Bilangan Kerusi,
Tarikh Penamaan Calon,
Tarikh Berkempen,
Tarikh Pilihan raya kampus, Tarikh Kira Undian,
Tarikh Pengumuman Rasmi,
Tempat Pengundian


Penyerahan Borang Penamaan Calon dan Pengumuman Calon Menang Tanpa Bertanding

Permit Kempen, Poster Calon

Kertas Undi/e-Pilihan Raya Kampus

Penyampaian Watikah MPP/JPP

2.2. Carta Alir Pengurusan Pilihan Raya Kampus



2.3. Carta Organisasi Jawatankuasa Sekretariat Pilihan Raya Kampus (SPRK)

Bil	Jawatan	Skop Tugasan
1.	**Pengerusi**	1. Mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja PRK.
2.	**Pengurus PRK**	1. Mengurus proses PRK. 2. Mengurus lantikan semua jawatankuasa setelah mendapat pengesahan daripada Ketua Eksekutif. 3. Mengumumkan Calon PRK. 4. Mengumumkan Keputusan PRK.
3.	**Penolong Pengurus PRK**	1. Membantu pengurus PRK.
4.	**Setiausaha**	1. Memanggil mesyuarat PRK. 2. Menyediakan minit mesyuarat. 3. Memantau dan membantu mengurus proses PRK. 4. Menyediakan laporan PRK.
5.	**Jawatankuasa Penamaan Calon, Kempen dan Pengiraan Undi**	1. Mengurus dan menerima pencalonan kerusi umum dan jabatan. 2. Menyediakan peralatan, tempat dan lain-lain yang berkaitan. 3. Mengurus proses pengiraan undi.
6.	**Jawatankuasa Disiplin dan Keselamatan**	1. Memantau disiplin dan keselamatan semasa PRK. 2. Memastikan etika PRK dipatuhi. 3. Menyedia dan mengeluarkan permit kempen. 4. Menguruskan kesalahan tatatertib PRK (jika ada).
7.	**Jawatankuasa Multimedia dan Promosi**	1. Menguruskan publisiti PRK. 2. Menyediakan kertas undi. 3. Fotografi sepanjang tempoh PRK.
8.	**Jawatankuasa Tugas-Tugas Khas**	1. Menyediakan makan dan minum semasa penamaan calon dan hari pengundian. 2. Menjalankan tugas-tugas diarahkan.
9.	**Jawatankuasa Data Pengundi/ICT dan e-Pilihan Raya Kampus**	1. Mengemaskini data pelajar. 2. Menyediakan kemudahan untuk semakan pendaftaran pengundi.

Bil	Jawatan	Skop Tugasan
		3. Mengemaskini dan mengawal selia sistem e-Pilihan Raya Kampus mengikut kesesuaian institusi dan penyertaan calon PRK.
10.	**Jawatankuasa Persediaan Tempat dan Peralatan**	1. Menguruskan tempat pengundian dan peralatan mengundi. 2. Menyediakan tempat berkempen dan peralatan.
11.	**Jawatankuasa Pendaftaran Mengundi**	1. Menyemak pendaftaran pemilih. 2. Mengawal selia petugas penyemak pendaftaran pemilih.
12.	**Jawatankuasa Post Kabinet dan Kem Kepimpinan MPP/JPP**	1. Menyelaras Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan MPP/JPP. 2. Menguruskan Kursus Kepimpinan kepada MPP/JPP yang terpilih.
13.	**Jawatankuasa Sukarelawan Pilihan Raya Kampus**	1. Menguruskan pengambilan Sukarelawan Pilihan Raya Kampus (Pelajar) untuk membantu SPRK bagi semua jawatankuasa. 2. Melaksanakan semua tugasan yang telah dirancang oleh SPRK bermula daripada Notis Pilihan Raya Kampus dihebahkan sehingga Kem Kepimpinan MPP/JPP dilaksanakan.

PRA PILIHAN RAYA KAMPUS

Mohd Nafizi Bin Nosri
Abd Rahman Bin Mahamad
Nor Ridzuan Bin Hashim

3.0 PRA PILIHAN RAYA KAMPUS

3.1. Bilik Gerakan

Bilik Gerakan Jawatankuasa SPRK hendaklah beroperasi bagi tujuan berikut:

i. Membuat penyelarasan berpusat bagi segala urusan yang berkaitan dengan PRK.
ii. Memastikan petugas berada pada setiap masa untuk memberi bantuan dan khidmat kepada calon-calon PRK.
iii. Memantau proses pelaksanaan kempen PRK.
iv. Memantau perkembangan proses perjalanan PRK dari mula hingga tamat.
v. Menyediakan laporan berkala kepada SPRK dan Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

3.2. Notis Pemberitahuan Pilihan Raya Kampus

SPRK hendaklah menyiarkan satu notis mengenai PRK di papan kenyataan atau risalah rasmi termasuk di media sosial untuk makluman warga Politeknik dan Kolej Komuniti (Lampiran 1).

Kandungan Notis Pemberitahuan PRK adalah seperti berikut:

i. Tarikh-tarikh penting yang terlibat dengan urusan PRK.
ii. Bilangan kerusi yang dipertandingkan dalam PRK.
iii. Masa, tempat penamaan calon, tempat pengundian, pengiraan undi dan pengumuman keputusan pengundian selepas tamat tempoh pengundian.
iv. Maklumat untuk mendapatkan Borang Penamaan Calon.
v. Maklumat mengenai tempat Bilik Gerakan SPRK dibuka.
vi. Maklumat lain yang berkaitan (jika perlu).

3.2.1. Kerusi

Kerusi yang dipertandingkan terbahagi kepada **Kerusi Umum**, **Sektor** dan **Jabatan**. Kerusi yang tidak dipertandingkan adalah kerusi Lantikan Terus iaitu Exco Kolej Kediaman (KAMSIS), Pembimbing Rakan Siswi Politeknik (PRSP)/ Pembimbing Rakan Inspirasi Siswa Siswi Kolej Komuniti (PRISS) dan Rakan Pusat Islam (RaPI)/Persatuan Pelajar Islam (Lampiran 2 (A)(B)(C)).

i. Bilangan **Kerusi Umum** yang dipertandingkan adalah sebanyak tujuh (7) kerusi bagi mengisi struktur jawatan MPP/JPP seperti berikut:

a. Yang Di Pertua (YDP)
b. Naib Yang Di Pertua (Akademik)
c. Naib Yang Di Pertua (Kebajikan)
d. Setiausaha Kehormat
e. Naib Setiausaha Kehormat
f. Bendahari Kehormat
g. Naib Bendahari Kehormat.

ii. Bilangan **Kerusi Sektor** yang dipertandingkan adalah sebanyak lima belas (15) kerusi bagi mengisi struktur jawatan MPP/JPP seperti berikut:

Sektor Strategik

a. Exco Akademik dan Latihan
b. Exco Kolaborasi
c. Exco Komunikasi Korporat
d. Exco Kelab dan Persatuan
e. Exco Multimedia dan Penerbitan
f. Exco Kebajikan dan Sosial
g. Exco Disiplin dan Keselamatan

Sektor Operasi

a. Exco Sukan dan Rekreasi
b. Exco Kebudayaan dan Warisan
c. Exco Keusahawanan dan Kerjaya
d. Exco Kesukarelawan
e. Exco Integrasi Nasional
f. Exco Kerohanian dan Moral
g. Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Pelajar Kelainan Upaya.
h. Exco Kediaman Luar

iii. Bilangan **Kerusi Jabatan atau Kerusi Program** yang dipertandingkan adalah mengikut jabatan yang ditawarkan di Politeknik dan Kolej Komuniti bagi mengisi struktur jawatan MPP/JPP seperti contoh berikut:

a. Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA)
b. Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)
c. Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM)
d. Jabatan Perdagangan (JP)
e. Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (JTMK)

iv. Bilangan **Kerusi Lantikan Terus** adalah sebanyak tiga (3) kerusi bagi mengisi struktur jawatan MPP/JPP seperti berikut:

a. Kolej Kediaman (KAMSIS).
b. Pembimbing Rakan Siswi Politeknik (PRSP)/ Pembimbing Rakan Inspirasi Siswa Siswi Kolej Komuniti (PRISS)
c. Rakan Pusat Islam (RaPI)

Jumlah kerusi yang dinyatakan di atas adalah berbentuk panduan sahaja. Pihak institusi berhak melaksanakannya mengikut budi bicara Ketua Eksekutif bagi menubuhkan struktur jawatan yang bersesuaian.

3.2.2. Penetapan Tarikh

Penamaan calon hendaklah diadakan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas tarikh notis disiarkan. Hari mengundi pula dilaksanakan dalam tempoh maksimum tujuh (7) hari selepas hari penamaan calon.

3.3. Kelayakan Bertanding

3.3.1. Calon

Pelajar Sijil/Diploma/Ijazah sepenuh masa yang berdaftar dan menepati syarat calon boleh mengemukakan pencalonan masing-masing untuk bertanding dalam Pilihan Raya Kampus MPP dan JPP.

3.3.2. Syarat Calon

i. Pelajar Sijil/Diploma/Ijazah yang berstatus aktif.
ii. Pelajar Sijil/Diploma/Ijazah yang tidak pernah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib oleh pihak berkuasa tatatertib institusi.
iii. Pelajar Sijil/Diploma/Ijazah yang mempunyai baki tempoh pengajian sekurang-kurangnya setahun atau dua semester berdasarkan tempoh pengajian minimum bagi program pengajian yang diikutinya tidak termasuk Latihan Industri.
iv. Pelajar Sijil/Diploma/Ijazah yang telah menduduki peperiksaan pertamanya di Politeknik atau Kolej Komuniti.
v. Pelajar memperoleh keputusan peperiksaan dengan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) tidak kurang daripada 2.75.
vi. Mana-mana pelajar Sijil/Diploma/Ijazah yang prosiding tatatertib terhadapnya masih belum selesai tidak layak menjadi calon.

Sebarang kekeliruan berkenaan senarai pelajar berstatus aktif boleh dirujuk kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik/ Unit Pembangunan Pelajar Kolej Komuniti untuk pengesahan status pelajar.

3.3.3. Prosedur Penamaan Calon

i. Seseorang pelajar hanya layak menjadi calon bagi satu kerusi yang dipertandingkan sahaja.
ii. Seseorang calon untuk sesuatu Kerusi Jabatan mestilah terdiri daripada pelajar di jabatan itu sahaja.
iii. Setiap calon mestilah mempunyai seorang pencadang dan seorang penyokong.
iv. Seseorang pelajar hanya dibenarkan mencadang atau menyokong seorang calon sahaja.
v. Seseorang calon bagi sesuatu kerusi tidak layak menjadi pencadang atau penyokong calon lain yang bertanding dalam pemilihan pelajar.
vi. Semua penamaan calon hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Penamaan Calon yang boleh didapati Pejabat Hal Ehwal Pelajar/ Unit Pembangunan Pelajar (Lampiran 3).
vii. Semua calon dan pencadang/penyokong masing-masing hendaklah hadir semasa hari penamaan calon.
viii. Percanggahan maklumat yang dikemukakan dalam Borang Penamaan Calon akan ditolak untuk bertanding.
ix. Pada hari penamaan calon, mana-mana calon yang ingin menarik diri perlulah mengisi Borang Penarikan Pencalonan Pilihan Raya Kampus MPP/JPP (Lampiran 4).
x. Borang Pengisytiharaan Calon Pilihan Raya Kampus MPP/JPP yang mempunyai senarai nama calon yang layak bertanding akan dipamerkan untuk pengetahuan umum di

pusat penamaan calon pada masa yang ditetapkan (Lampiran 5).

xi. Sebarang bantahan berhubung dengan penamaan calon hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Bantahan Pencalonan kepada Pengurus PRK dalam tempoh penamaan calon (Lampiran 6).

xii. Sekiranya selepas penamaan calon ditutup, didapati jumlah calon bagi sesuatu kerusi sama dengan jumlah kerusi yang dipertandingkan, Pengurus PRK akan mengisytiharkan calon-calon tersebut menang tanpa bertanding dan mengisi Borang Pengisytiharaan Menang Tanpa Bertanding (Lampiran 7).

xiii. Sekiranya jumlah calon melebihi jumlah kerusi yang dipertandingkan, Pengurus PRK akan mengumumkan PRK akan dijalankan.

xiv. Sekiranya bilangan calon kurang daripada jumlah kerusi yang dipertandingkan, Pengurus PRK akan mengisytiharkan calon-calon berkenaan menang tanpa bertanding.

3.4. Kempen

3.4.1. Kawalan Dan Pemantauan

i. Jawatankuasa Disiplin dan Keselamatan adalah bertanggungjawab dalam mengawalselia semua aktiviti berkempen termasuk menguatkuasakan peraturan dan hal-hal berkaitan kempen sepanjang PRK berlangsung.

ii. Jawatankuasa Disiplin dan Keselamatan dibentuk dan dilantik oleh Ketua Eksekutif.

3.4.2. Lokasi Kempen

Calon hanya dibenarkan untuk memasang poster dan menyampaikan syarahan/ceramah di dalam kawasan kampus institusi sahaja.

3.4.3. Kaedah Berkempen

Kaedah berkempen tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan berkempen yang terbahagi kepada 3 cara:

i. **Kempen Diri (Sudut Pidato/Pengucapan Awam)**

a. Sesi perjumpaan untuk memperkenalkan semua calon yang bertanding.
b. Calon dibenarkan berucap di khalayak ramai mengikut peraturan yang ditetapkan.

ii. **Kempen Poster**

a. Calon-calon akan dibekalkan dengan poster.
b. Calon-calon dibenarkan untuk menambah bilangan poster daripada sumber perbelanjaan sendiri.

iii. **Kempen Media Sosial**

a. Penggunaan media sosial oleh calon bagi urusan kempen PRK adalah sama prinsipnya seperti yang terpakai bagi media-media yang lain. Media sosial merupakan forum awam di mana prinsip yang sama diambil kira sebagaimana pengucapan awam atau pun penulisan secara rasmi atau tidak rasmi.
b. Calon-calon yang menggunakan media sosial sebagai platform untuk berkempen perlulah mematuhi Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan lain-lain peraturan semasa yang telah ditetapkan oleh institusi dalam menyampaikan sebarang informasi.

3.4.4. Peraturan Berkempen

i. Tempoh berkempen bermula dari pengumuman calon yang layak bertanding sehingga sebelum hari mengundi.

ii. Calon-calon diberi peluang berucap selewat-lewatnya jam 11.00 malam.

iii. Calon-calon dan wakilnya dilarang membuat kecaman peribadi terhadap individu perseorangan dan tidak menyentuh sensitiviti yang boleh mengancam keselamatan negara.

iv. Bahan kempen dan risalah hendaklah mendapat kebenaran dari SPRK.

v. Poster hanya dibenarkan digantung sahaja dan tidak boleh ditampal di mana-mana kawasan kampus kecuali dengan kebenaran Ketua Eksekutif.

vi. Calon-calon wajib menurunkan semua poster dan membersihkan kawasan kempen dalam tempoh 24 jam selepas keputusan diumumkan. Kegagalan berbuat demikian akan dikenakan tindakan dendaan terus di bawah Kaedah 26 A.

PROSES PILIHAN RAYA KAMPUS

Nastasa Binti Abdul Samat
Zainab Hanina Binti Abdul Samad
Mohd Khairuddin Bin Ahmad Khair

4.0 PROSES PILIHAN RAYA KAMPUS

4.1. Proses Hari Mengundi

i. Memastikan semua peralatan dan tempat pengundian berada dalam keadaan baik (Lampiran 8).
ii. Memaparkan carta alir proses pengundian PRK.
iii. Memaparkan senarai nama calon bertanding di lokasi tempat mengundi.
iv. Menyediakan senarai daftar pemilih dengan lengkap.
v. Memastikan keselamatan dan ketenteraman awam berada dalam keadaan terkawal.

4.2. Daftar Pengundi

Pengundi adalah semua pelajar sepenuh masa yang telah berdaftar secara rasmi pada sesi pengajian semasa.

4.2.1. Syarat Pengundi

Pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti yang **layak** sebagai pengundi pada sesi pengajian semasa adalah:

i. Pelajar Aktif
ii. Pelajar Aktif Mengulang
iii. Pelajar yang menjalani Latihan Industri
iv. *Work Based Learning* (WBL)

4.3. Kaedah Pengundian

Bagi melancarkan proses mengundi, pihak institusi boleh memilih kaedah pelaksanaan yang bersesuaian agar semua pihak yang terlibat dapat menyempurnakan tugasan dan tanggungjawab dengan baik. Kaedah tersebut adalah:

i. Pengundian Secara Kiraan Manual
ii. Pengundian Secara Sistem Dalam Talian (e-Pilihan Raya Kampus)

Perkara	Pengundian Secara Kiraan Manual	Pengundian Secara Sistem Dalam Talian (e-Pilihan Raya Kampus)
Proses Membuang Undi	-Menggunakan **Kertas Undi** yang disediakan oleh SPRK (Lampiran 9(A)(B)). -Setiap pengundi diberikan satu kertas undi sahaja. -Pengundi perlu mematuhi arahan pada kertas undi.	Proses membuang undi terdiri daripada: a) Pengesahan identiti pengundi. b) Pengundi membuang undi daripada senarai calon. Sistem yang digunakan hendaklah telus dan selamat daripada sebarang bentuk pencerobohan.
Peralatan Mengundi	Contoh peralatan mengundi (Lampiran 8).	Contoh keperluan teknikal bagi pengundian secara sistem: a) Bilangan Komputer Riba (tertakluk kepada keperluan bilangan pelajar yang ada) b) Rangkaian - Memastikan rangkaian internet stabil sepanjang tempoh membuang undi.
	Peralatan yang digunakan adalah daripada keputusan mesyuarat SPRK dan hendaklah diuji lari bagi memastikan proses PRK berjalan dengan lancar.	
Lokasi Mengundi	Lokasi dan susun atur tempat mengundi adalah diputuskan daripada keputusan mesyuarat SPRK berdasarkan kesesuaian bilangan pengundi (Lampiran 10).	Tempat dan susun atur tempat mengundi adalah diputuskan daripada keputusan mesyuarat SPRK berdasarkan kesesuaian bilangan pengundi (Lampiran 11).
Hari Mengundi	Pada hari mengundi, Pengurus PRK hendaklah memastikan: a) Bilik gerakan mengundi berfungsi dengan baik. b) Petugas pada hari mengundi hadir untuk menjalankan tugas seperti yang telah dijadualkan. c) Keselamatan tempat pengundi dengan persiapan yang teratur dan disertakan label pada tempat/ruang yang berkenaan. d) Masa dan tempoh membuang undi mestilah dipersetujui dalam mesyuarat SPRK.	
Peraturan Hari Mengundi	-Tidak dibenarkan masuk ke kawasan mengundi kecuali dengan kebenaran Pengurus SPRK. -SPRK hendaklah mengawal selia bilangan pengundi yang dibenarkan masuk pada suatu masa ke pusat mengundi.	

Perkara	Pengundian Secara Kiraan Manual	Pengundian Secara Sistem Dalam Talian (e-Pilihan Raya Kampus)
	-Dilarang merayu atau memujuk atau cuba memujuk mana-mana pengundi supaya tidak mengundi atau tidak mengundi mana-mana calon dalam PRK itu. -Penyokong-penyokong tidak dibenarkan membuat bising atau kekecohan di tempat pengundian.	
Proses Pengundian Tamat	Tempat/Sistem mengundi hendaklah ditutup tepat pada waktunya dan disegerakan pelaksanaannya.	
	-Petugas perlu menentukan bilangan pengundi, bilangan kertas undi yang dikeluarkan dan bilangan kertas undi yang tidak digunakan. -Peti undi akan dikumpulkan di bilik gerakan bagi tujuan pengiraan undi.	-Petugas perlu memastikan maklumat bilangan pengundi dapat disediakan dengan baik.

4.4. Statistik Pelajar Turun Mengundi

Pengurus PRK perlu:

i. Mendapatkan senarai penuh daftar pengundi.

ii. Mengumpulkan senarai daftar pengundi selepas proses pengundian tamat dan pusat mengundi ditutup.

iii. Membuat pengiraan hadir mengundi, tidak hadir mengundi dan undi rosak.

iv. Membuat pengesahan statistik mengundi dari semasa ke semasa sepanjang tempoh pengundian berlangsung untuk meningkatkan peratus pelajar turun mengundi daripada setiap jabatan.

SELEPAS PILIHAN RAYA KAMPUS

Fatin Shafinas Binti Rokman
Nur Ili Shamimi Binti Jamal Nasir
Mohamad Izzuddin Hilmi Bin Mohamad Zaini

5.0 SELEPAS PILIHAN RAYA KAMPUS

Setelah masa mengundi tamat, Pengurus PRK dikehendaki untuk menutup pusat mengundi. Bagi pengundi yang masih berada di dalam bilik mengundi, mereka akan diberikan masa untuk mengundi, manakala mereka yang baru tiba untuk mengundi adalah tidak dibenarkan masuk selepas waktu mengundi.

Pengurus PRK harus menjelaskan dengan baik kepada pengundi yang baru tiba tidak dibenarkan mengundi selepas tamat waktu mengundi. Pengurus PRK juga hendaklah menutup dan memeterai peti undi yang disaksikan oleh Pengurusan Tertinggi SPRK.

5.1. Pengiraan Dan Keputusan

5.1.1. Tempat Pengiraan Undi

Tempat pengiraan undi adalah berpusat dan haruslah dikawal oleh Jawatankuasa Disiplin dan Keselamatan.

5.1.2. Peraturan Dalam Kawasan Pengiraan Undi

i. Individu yang dibenarkan berada di kawasan pengiraan undi adalah:

   a. Pengurus PRK
   b. Jawatankuasa Disiplin dan Keselamatan
   c. Jawatankuasa Penamaan Calon, Kempen Dan Pengiraan Undi
   d. Ejen/Wakil Calon

ii. Etika di tempat pengiraan undi adalah seperti berikut:

   a. Dilarang mengganggu tugas Jawatankuasa Penamaan Calon, Kempen Dan Pengiraan Undi
   b. Dilarang membuat bising dan sebarang gangguan.
   c. Dilarang keluar dari tempat mengundi tanpa kebenaran Pengurus PRK.

d. Dilarang memegang apa-apa peralatan dan dokumen PRK yang digunapakai di tempat pengiraan undi tanpa kebenaran Pengurus PRK.
e. Dilarang membawa peralatan yang berbahaya.
f. Dilarang menggunakan keperluan lain selain daripada yang disediakan sahaja.
g. Berpakaian kemas.

5.1.3. Keperluan Proses Pengiraan Undi

i. Borang Pengiraan Undi (Lampiran 12)
ii. Borang Pengesahan Jumlah Undi Calon (Lampiran 13)
iii. Bekas/bakul/kotak bagi tujuan pengiraan kertas undi (Jumlah bergantung kepada bilangan calon yang bertanding)
iv. Alatan tulis/berkaitan yang diperlukan (contoh: pen, cap dan *Stamp Pad*, getah, tali, pelekat untuk ditandatangani oleh ejen dan lain-lain)

5.1.4. Proses Pengiraan Undi

Proses pengiraan undi akan dimulakan dengan:

i. Mengeluarkan kertas undi ke dalam bekas pengiraan yang dilabelkan “Undi Belum Kira”.
ii. Kertas undi dikira dan diikat 50 atau 10 helai bagi setiap 1 ikatan dan ditandakan pada Borang Catatan Bilangan Pengesahan Kertas Undi (Lampiran 14).
iii. Perbandingan dilakukan ke atas jumlah bilangan kertas undi yang terdapat dalam bekas “Undi Belum Kira” dengan Borang Pengiraan Undi.
iv. Jawatankuasa Penamaan Calon, Kempen dan Pengiraan Undi memaparkan setiap helaian kertas undi sambil menunjuk dan menyebut simbol calon – Jika tiada bantahan,

kertas undi dimasukkan ke dalam bekas calon yang berkaitan.

v. Sekiranya terdapat bantahan, kertas undi akan dimasukkan ke dalam bekas “Undi Rosak”.

vi. Pengurus PRK membuat pengesahan keputusan “Undi Rosak” dan pengiraan semula kertas undi setiap calon dilaksanakan.

vii. Jawatankuasa Penamaan Calon, Kempen dan Pengiraan Undi berhak memohon Pengurus PRK agar melakukan proses mengulang kiraan sekiranya terdapat perbezaan antara bilangan undi calon yang tertinggi dengan calon kedua tertinggi tanpa disertakan dengan undi yang ditolak.

viii. Hanya sekali permohonan sahaja dibenarkan untuk kiraan semula undi, namun ianya terpulang kepada undang-undang PRK yang diberikan kepada Pengurus PRK untuk mengulang proses kiraan undi melebihi daripada satu kali bagi memuaskan hati semua pihak terutamanya pihak pemohon.

ix. Selepas pengiraan undi, Pengurus PRK hendaklah:

a. Menguruskan penyimpanan peralatan dan dokumen berkaitan ke dalam sampul.

b. Membawa peti undi, penyata undi, Borang Pengesahan Jumlah Undi calon bertanding dan peralatan mengundi ke pusat pengumpulan rasmi undi.

5.1.5. Kertas Undi Rosak

Kategori kertas undi rosak adalah seperti berikut:

i. Menanda lebih daripada jumlah calon yang dikehendaki.

ii. Kertas undi yang tidak dicap pengesahan.

iii. Terdapat sebarang tanda huruf, perkataan atau bentuk gambar.

iv. Kertas undi yang koyak.

v. Sebarang tanda yang dibuat diluar ruang pangkah.

vi. Simbol yang dibuat melangkaui ruang calon yang lain.

5.2. Pengiraan dan Keputusan Secara Dalam Talian (e-Pilihan Raya Kampus)

Pengiraan undian akan diproses secara automatik mengikut perisian yang digunakan. Sistem yang digunakan hendaklah telus dan selamat daripada sebarang bentuk pencerobohan.

5.3. Pengumuman Keputusan Pilihan Raya Kampus

Keputusan PRK diumumkan oleh Pengurus PRK secara rasmi setelah mendapat pengesahan daripada Ketua Eksekutif. Pengumuman tersebut, perlulah dinyatakan informasi berikut:

i. Jumlah bilangan layak mengundi
ii. Status pengundi keluar membuang undi
iii. Bilangan undi setiap calon
iv. Calon yang memenangi PRK

Keputusan PRK boleh diumumkan secara maya sama ada di laman sesawang atau media rasmi institusi/*Facebook*/*Instagrams*/*Twitter* atau sebarang medium yang bersesuaian.

5.3.1 Bantahan Keputusan Pilihan Raya Kampus

i. Calon yang tidak bersetuju dengan keputusan selepas proses kiraan undi dijalankan boleh menghantar surat bantahan dengan mengisi Borang Bantahan Pilihan Raya Kampus kepada Pengerusi SRPK selepas keputusan diumumkan (Lampiran 15).
ii. Sebarang pertikaian berkaitan pemilihan adalah tertakluk di bawah Kaedah 13, Jadual Ketiga, Akta 174 dan keputusan Ketua Eksekutif adalah muktamad.

PEMBENTUKAN MPP/JPP

Madihah Binti Paiizi
Zainal Anuar Bin Bakri
Amrul Bin Omar

6.0 PEMBENTUKAN MPP DAN JPP

6.1. Pembentukan Kabinet MPP/JPP

i. Pembentukan Kabinet MPP/JPP terdiri daripada tiga (3) kategori iaitu:

a. **Ahli Majlis Tertinggi**
b. **Exco/Biro Sektor**
c. **Exco/Biro Jabatan/Program**

ii. **Ahli Majlis Tertinggi** MPP/JPP perlulah dilantik daripada calon yang memenangi Kerusi Umum. Antara jawatan yang perlu ada ialah Yang Dipertua (YDP), Naib Yang Dipertua (Akademik), Naib Yang Dipertua (Kebajikan), Setiausaha Kehormat, Naib Setiausaha Kehormat, Bendahari Kehormat dan Naib Bendahari Kehormat.

iii. **Exco/Biro Sektor** adalah dilantik daripada calon yang kalah dalam Kerusi Jabatan. Jumlah jawatan yang diwujudkan adalah bergantung kepada keperluan institusi. Antara jawatan yang perlu ada merangkumi Sektor Strategik dan Sektor Operasi (Rujuk muka surat 11 dan 12)

iv. **Exco/Biro Jabatan/Program** adalah dilantik daripada calon yang **memenangi** kerusi Jabatan. Hanya pelajar dari jabatan yang sama sahaja layak untuk memilih calon jabatan masing-masing. Jumlah jawatan yang dipertandingkan adalah bergantung kepada jumlah Jabatan Induk yang ada dalam sesebuah institusi.

v. **Exco/Biro Khas (sekiranya perlu)** diwujudkan untuk memilih pemimpin daripada kalangan organisasi dalaman yang ada dalam sesebuah institusi. Hanya ahli organisasi yang berdaftar sahaja yang boleh memilih calon Exco/Biro Khas ini. Antara jawatan yang dipertandingkan adalah melibatkan organisasi Kolej Kediaman (KAMSIS), Pembimbing Rakan Siswa (PRSP/PRISS) dan Rakan Pusat Islam (RaPI).

vi. Proses Pembentukan Kabinet MPP/JPP ini mestilah diselesaikan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas PRK.

vii. Senarai perjawatan MPP/JPP perlu disahkan oleh Ketua Eksekutif dan perlu dilaporkan secara terus kepada BAPP, JPPKK.

6.2. Tempoh Lantikan MPP/JPP

Tempoh SAH pelantikan Kabinet MPP/JPP yang telah dibentuk adalah selama satu (1) tahun.

6.3. Portfolio MPP/JPP

Tujuan penubuhan dan tugas MPP/JPP adalah:

i. Melahirkan barisan pemimpin pelajar yang berwibawa.

ii. Membantu pelajar mendapatkan kemudahan di samping memaksimumkan penggunaan kemudahan yang sedia ada di institusi.

